



Kepada

Presiden / Setiausaha
Persatuan Olahraga Master Negeri
Dan Atlet master

Tuan,

Salam Sejahtera!

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa, dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) yang telah diadakan pada 12 Februari 2017, di Seremban, Majlis Tertinggi POMM telah memutuskan untuk menguatkuasa Syarat dan peraturan kepada atler master yang ingin menyertai dalam Kejohanan Olahraga Master peringkat Asia dan Dunia.

Syarat dan peraturan ini adalah untuk memastikan pengurusan dan penyelarasan penyertaan atlet master yang lebih efisien., dan juga untuk memastikan semua atlet master yang menjadi ahli dalam Persatuan Olahraga Master Negeri **MESTI** menghantar borang penyertaan / permohonan untuk Cuti Tanpa Rekod dan lain-lain lagi melalui Presiden / Setiausaha Persatuan Olahraga Master Negeri, kepada POMM.

Mana-mana ahli Persatuan Olahraga Master Negeri tidak digalakkan untuk menghubungi POMM secara individu, mestilah melalui Persatuan Olahraga Master Negeri. Dengan ini tuan – tuan dapat menyelaraskan semua penyertaan dari negeri masing-masing. Ini juga adalah bertujuan untuk Persatuan Olahraga Master Negeri mengetahui dan mengenalpasti semua butiran ahli yang akan menyertai dalam kejohanan Asia / Dunia.

Kami mohon kerjasama tuan untuk menyebarkan maklumat ini kepada semua ahli persatuan tuan, agar penyertaan atlet master Negara menjadi lebih terurus lagi. Maklumat ini akan dimasukkan ke dalam website mmaa: www.mmaa.org.my

Sekian, terima kasih atas kerjasama tuan.

“Berkhidmat untuk kesejahteraan atlet master”

S. SIVAPRAGASAM. A.M.W.
Setiausaha Kehormat MMAA
14 Februari 2017